

**MAJLIS PENUTUPAN RASMI SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN
2012
26/02/2012**

Bismillahirrahmanirrahim

Saudara/saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin
Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan Datin

Para YB Menteri dan YB Timbalan Menteri

YB Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor,
Ahli Parlimen Putrajaya

Para Dif-Dif Kehormat yang saya muliakan,

Hadirin-hadirat, tuan-tuan dan puan-puan seluruh warga Wilayah Persekutuan yang saya kasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

1. Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang terus menganugerahkan kita kekuatan dan kesihatan, keamanan dan kesejahteraan bagi kita berhimpun di Majlis Penutupan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2012 ini. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan sama ada dari Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dalam menjayakan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi kali kelapan, semenjak Kementerian Wilayah Persekutuan diwujudkan pada 27 Mac 2004.

2. Dalam kesempatan ini, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.B. Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar kerana menjemput saya untuk bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam merasai kemeriahan Majlis Penutupan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini.
MENSYUKURI NIKMAT KEMAKMURAN DAN KESEJAHTERAAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Majlis ini lebih bermakna kepada kita semua kerana jelas terserlah ciri-ciri kesejahteraan dan faedah-faedah kemajuan yang dapat dinikmati oleh rakyat termasuk di Wilayah Persekutuan. Saya telah mengadakan lawatan di banyak negara luar, tetapi masih terbukti bahawa rakyat Malaysia jauh ke hadapan dalam mengamalkan sikap saling hormat-menghormati dan sentiasa mengutamakan keamanan serta keharmonian. Sama ada kita tinggal di Kuala Lumpur, Putrajaya mahu pun Labuan, warga Wilayah Persekutuan yang memiliki kepelbagaian latar belakang keturunan, bangsa dan agama serta kedudukan sosial dan ekonomi turut memberi sumbangan dan bakti dalam meletakkan Malaysia di peta dunia sebagai negara yang maju, stabil dan harmoni.

4. Meskipun demikian, keharmonian ini bukannya diraih dan dinikmati dengan jalan mudah, tetapi berasaskan usaha untuk memupuk kesefahaman, toleransi dan penghayatan seluruh rakyat. Justeru, jangan kita leka dan mengambil mudah sebaliknya kita semua perlu terus bertekad untuk memantapkan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu padu. Dengan semangat 1Malaysia, saya yakin kita dapat lakukan, insya Allah.

5. Oleh itu, saya ingin mengajak semua warga Wilayah Persekutuan bersatu hati dan berusaha dengan lebih gigih bagi membolehkan Wilayah Persekutuan menjuarai semua program yang digariskan di bawah NKRA dan NKEA sejajar dengan agenda perdana negara di bawah Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi Negara.

INISIATIF KERAJAAN MEMBANTU GOLONGAN YANG MEMERLUKAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. Kerajaan telah melaksana program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bagi seluruh rakyat Malaysia yang terbukti memberi impak berkesan dalam membantu meringankan beban golongan berpendapatan RM3,000.00 dan ke bawah. Bantuan sebanyak RM500.00 untuk sebuah keluarga ini telah melibatkan peruntukan sebanyak RM 1.8 Billion, dan ini mencerminkan bahawa Kerajaan sentiasa peka kepada keadaan kehidupan harian rakyat, dan berusaha melaksana pelbagai inisiatif bagi mengurangkan beban kos kehidupan rakyat Malaysia.

7. Sehubungan itu, kerajaan turut memperuntukan sebanyak RM40 juta bagi mewujudkan Kedai Rakyat 1 Malaysia (KR1M) yang meliputi barangan keperluan harian pengguna pada harga sehingga 40% lebih rendah.

8. Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah inisiatif Kerajaan dalam menyediakan peluang kepada semua lapisan masyarakat, khususnya golongan berpendapatan rendah, dalam meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya dalam pemilikan rumah sendiri. Bagi program ini, Kerajaan sehingga Disember 2011 telah membelanjakan hampir RM2 billion bagi menyediakan 56,020 unit rumah PPR di seluruh Negara. Kerajaan pastinya akan terus melaksana inisiatif ini bagi memastikan rakyat terus menikmati hasil pembangunan negara.

9. Sementara itu, saya juga dimaklumkan bahawa diperingkat Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sendiri, pelbagai bantuan sentiasa disalurkan terus untuk membantu rakyat khususnya di kawasan bandar. Antaranya, bantuan sewa rumah sebanyak RM 124.00 sebulan yang disalurkan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), bantuan bina baru rumah, bantuan peralatan kesihatan dan bantuan persekolahan turut diberikan melalui Program-program Kesejahteraan Bandar Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

10. Selain itu, bantuan persekolahan sebanyak RM100.00 kepada setiap murid sekolah rendah dan menengah Tahun 1 hingga Tingkatan 5 di seluruh negara juga mengurangkan beban hidup para ibu bapa. Bantuan ini tidak termasuk pengecualian atau pemansuhan bayaran tambahan sebanyak RM24.50 bagi sekolah rendah dan RM33.50 bagi sekolah menengah yang melibatkan peruntukan sebanyak RM150 juta pada tahun ini. Langkah ini menjadikan kemudahan pembelajaran di Malaysia percuma sepenuhnya.

11. Menyedari kos harga buku yang tinggi, diperingkat pengajian tinggi sama ada awam dan swasta, matrikulasi serta pelajar Tingkatan 6 seluruh negara, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM260 juta bagi menyediakan bantuan baucer buku bernilai RM200.00 bagi membantu pelajar membeli buku untuk meneruskan pengajian masing-masing.

12. Semua bantuan yang saya nyatakan tadi adalah senarai bantuan terus yang diberikan kepada kumpulan sasar dan merupakan inisiatif murni dan keperihatinan pihak kerajaan dalam membantu rakyat menangani kos sara hidup, yang semakin meningkat serta menggalakkan usaha ke arah meningkatkan prestasi pembelajaran bagi semua pelajar di Malaysia termasuk di Wilayah Persekutuan.

MELAKAR PEMBANGUNAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Kuala Lumpur ternyata berjaya menjadi pusat perdagangan dan perkhidmatan serta pusat kewangan yang dinamik. Melalui inisiatif Greater KL/Klang Valley, Kuala Lumpur selayaknya muncul sebagai pusat perdagangan antarabangsa yang juga turut mengubah status bandaraya itu sebagai sebuah kota metropolitan yang unggul.

14. Di bawah Second Rolling Plan bagi tahun 2012, Kementerian Wilayah Persekutuan Dan Kesejahteraan Bandar telah diperuntukkan sebanyak RM1.7 bilion bagi membolehkan Kementerian dan Agensi di bawahnya melaksanakan pelbagai program dan projek pembangunan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.49 bilion diperuntukkan bagi melaksanakan projek di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley. Sementara baki yang selebihnya diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai projek di bawah program kesejahteraan bandar seluruh negara dan peningkatan perkhidmatan perbandaran di Wilayah Persekutuan.

15. Peruntukan yang begitu besar di bawah NKEA Greater Kuala Lumpur/ Klang Valley ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan untuk melaksanakan transformasi bagi mengangkat lagi status dan menaik taraf Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Lembah Klang sebagai wilayah yang dinamik dan berdaya saing serta menjadikan bandar raya Kuala Lumpur di antara 20 bandar raya lestari dan berdaya huni (livable city) di dunia pada tahun 2020.

16. Pada masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pelbagai agensi sedang melaksanakan projek-projek My Rapid Transit (MRT), River of Life, Iconic Places, Pedestrian Walkways, Greener KL serta projek pembetulan dan pengurusan sisa pepejal yang kini berada di pelbagai fasa pelaksanaan. Ini adalah testimoni komitmen kerajaan bagi menyediakan kemudahan dan prasarana bagi faedah dan keselesaan rakyat di Wilayah Persekutuan khususnya.

Skim Pembiayaan Khas PPR MTEN dan PA DBKL

17. Menyedari harga rumah yang semakin meningkat khususnya di Kuala Lumpur, maka Kerajaan telah meluluskan satu Skim Pembiayaan Khas Penjualan Program Perumahan Rakyat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (PPR MTEN) dan Perumahan Awam DBKL untuk membantu keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana memperolehi pinjaman untuk memiliki rumah yang ditawarkan kepada mereka.

18. Penyediaan Skim ini adalah diperolehi melalui sumber pinjaman yang disediakan oleh KWSP kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Yayasan Wilayah Persekutuan berasaskan kepada pertimbangan keuntungan kepada pencarum-pencarum KWSP. Perlaksanaan yang kreatif ini juga merupakan antara usaha-usaha Kerajaan membantu mengurangkan beban dan kos bagi golongan yang menghadapi kesukaran untuk memiliki perumahan.

19. Saya dimaklumkan bahawa beberapa siri roadshow akan dilaksanakan bermula dalam bulan Mac ini. Saya juga difahamkan bahawa hampir 19,000 penyewa PPR MTEN dan PA DBKL sekitar ibu negara akan mendapat manfaat daripada Skim pinjaman khas ini.

Pembangunan Semula Kampong Bharu

20. Di atas keprihatian Kerajaan untuk meningkatkan taraf dan kualiti hidup orang Melayu di bandar raya Kuala Lumpur, pembangunan semula Kampong Bharu menjadi agenda utama Kerajaan dalam mentransformasikan kedudukan dan identiti Kampong Bharu yang berkait rapat dengan martabat, sejarah dan jati diri orang Melayu. Selaras dengan wujudnya Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2911, saya dimaklumkan bahawa Kementerian telah menubuhkan Pasukan Interim yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012 bagi mengambil langkah-langkah awal penubuhan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu.

21. Menyentuh tentang pembangunan semula Kampong Bharu, ingin saya tegaskan bahawa Kerajaan tidak mempunyai agenda tersembunyi yang mengeneipkan hak dan kepentingan para pemilik dan pewaris tanah Kampong Bharu. Lantaran itu, siri perbincangan dan pertemuan yang intensif telah dan akan terus dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dengan para pemilik dan pewaris tanah.

22. Saya menyeru semua pihak untuk bekerjasama erat, dan memberikan komitmen yang ikhlas bagi menjayakan pelaksanaan pembangunan Kampong Bharu nanti.

Pembangunan Pasar Raja Bot

23. Menyedari pentingnya nasib, keadaan dan peluang peniaga-peniaga kecil di Pasar Raja Bot, yang menjadi nadi kepada mereka yang mencari rezeki di ibu kota, Kerajaan bersetuju supaya pembangunan semula Pasar Raja Bot dilaksanakan. Pembangunan semula ini akan dilaksanakan oleh DBKL.

24. Bagi memastikan pembangunan semula ini mengambil kira kepentingan 1,578 orang peniaga sedia ada, kerajaan akan terus mengadakan engagement dengan pihak peniaga yang terlibat. Langkah ini adalah penting bagi menjamin pembangunan semula ini memberi keuntungan yang maksimum kepada para peniaga dan juga mendatangkan faedah yang besar kepada warga kota. Saya amat berharap Pasar Raja Bot akan menjadi ikon yang unik dan living heritage yang menarik kepada para pelancong luar negara.

Fokus di Wilayah Persekutuan Labuan

25. Begitu juga halnya dengan Wilayah Persekutuan Labuan. Dengan keindahan pulau tropika dan kekayaan khazanah lautnya, Labuan berupaya menjadi destinasi pelancongan yang seharusnya dikunjungi oleh semua orang. Selain menjadi tarikan pelancongan, Labuan juga sedang mengorak langkah untuk mencipta 'distinguished brand' sebagai Pusat

Perdagangan minyak dan gas terkemuka di rantau ini.

Inisiatif di Wilayah Persekutuan Putrajaya

26. Pada masa yang sama, Putrajaya turut meningkatkan usaha merealisasikan perancangan yang lebih rapi bagi menonjolkan identiti dan reputasinya sebagai nadi pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan bandar raya pintar di masa hadapan. Sambil menjaga kehijauan taman-taman, segala sistem dan infrastruktur yang ada turut melibatkan penggunaan teknologi terkini. Melalui penggunaan teknologi hijau, Putrajaya mampu menjadi pemangkin dan pelopor yang terkenal di rantau Asia Tenggara selain turut menjadi bandar raya contoh yang selesa untuk diduduki, bekerja, beriadah serta menganjurkan acara sukan bertaraf antarabangsa.

27. Akhirnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan yang telah menjayakan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi tahun 2012. Saya telah menyaksikan bahawa kita semua telah Berjaya menghayati semangat dan Gagasan 1Malaysia “Rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan,” sebagai budaya hidup kita.

28. Sesungguhnya dengan keazaman yang tinggi, sesuai dengan tema sambutan pada kali ini iaitu ‘Rakyat Bersatu, Wilayah Persekutuan Maju’, akan dapat mengisi agenda untuk terus membangunkan negara kita pada tahun 2012 dan tahun-tahun seterusnya.

29. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan sukacitanya saya mengisytiharkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2012 ditutup dengan rasminya. Sekian, wabilLahi taufiq wal hidayah, wassalamu’alikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima Kasih.